

28/10/1997

Mahathir akui CHOGM kali ini lebih baik

EDIBURGH, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan Persidangan Ketua Negara Komanwel (CHOGM) di sini lebih baik daripada yang pernah diadakan di England sebelum ini.

"Dulu orang di sini tidak minat langsung. Di Edinburgh ini ada reaksi daripada orang tempatan.

"Mereka mengalu-alukan persidangan ini," kata Perdana Menteri di sini.

CHOGM yang bermula Jumaat lalu dipengerusikan oleh Perdana Menteri Britain, Tony Blair, berakhir hari ini.

Semalam semua pemimpin dari 54 negara anggota itu mengadakan perbincangan sambil berehat di St Andrews, kira-kira 80 kilometer dari sini.

Di St Andrews mereka menyambung perbincangan secara lebih mendalam mengenai perkara yang dibangkitkan pada sesi eksekutif CHOGM.

Petang ini, Dr Mahathir berlepas ke Slovenia untuk memulakan lawatan tiga hari.

Perdana Menteri berkata, Blair lebih simpati kepada CHOGM berbanding kerajaan-kerajaan terdahulu.

"Beliau sanggup mendengar dan menerima pendapat semua pihak walaupun sesetengahnya mempunyai pendirian yang berbeza.

Dr Mahathir berkata, CHOGM memutuskan beberapa perkara penting termasuk kriteria kemasukan anggota baru ke dalam CHOGM.

"Kita puas hati dengan kriteria yang menekankan hak Palestin menjadi anggota Komanwel apabila ia diakui sebagai sebuah negara pada 1999.

Di St Andrews, katanya perbincangan mendalam dan secara terbuka diadakan.

"Masing-masing mengemukakan pandangan secara terbuka walaupun kadangkala tidak secara sepakat, tetapi semua pandangan diambil kira," katanya.

Dari konteks Malaysia, Dr Mahathir berkata, tumpuan diberikan kepada hubungan dua hala di luar bilik mesyuarat.

"Masalah kita sukar dikemukakan kerana kebanyakan negara adalah kecil yang tidak mempunyai masalah yang sama dengan kita, terutamanya soal kewangan.

"Negara yang maju pula nampaknya kurang berminat dengan masalah yang dihadapi oleh Malaysia," katanya.

(END)